

Menangani Penderaan Seksual Kanak-kanak Dari Perspektif Islam



Oleh: Nurul Wafa Noor Hashim

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 30 Julai 2021

Bapa kandung paling ramai 'ratah' anak

MUHAMMAD AFHAM RAMLI || 09 April 2021



Gambar hiasan

Kes penderaan seksual khususnya melibatkan kanak-kanak dan remaja masih berada pada tahap yang membimbangkan. Gejala ini wajar dibendung kerana memberi impak negatif mangsa dan boleh meruntuhkan institusi kekeluargaan.

Dalam usaha mengekang penderaan seksual, pengetahuan agama merupakan perkara utama yang wajar diberi perhatian khususnya bagi yang beragama Islam.

Ilmu fiqh yang dikategorikan sebagai ilmu fardu kifayah wajib dipelajari supaya setiap langkah dan tindakan dilakukan adalah berlandaskan kepada syariat Islam.

Namun, mempelajari ilmu agama tidak akan sempurna sekiranya tidak diamalkan justeru, umat Islam wajib berpegang kepada ajaran agama yang sebenar.

Ibu bapa mempunyai peranan penting dalam mendidik anak-anak. Pendedahan ilmu agama sejak kecil perlu dijadikan keutamaan.

Contohnya, mengajar anak-anak mengenai batasan aurat ketika berada di dalam dan luar rumah. Selain itu, tempat tidur mesti diasingkan ketika mereka berusia 10 tahun.

Saranan ini sebenarnya dinyatakan secara jelas dalam Islam. Dalam hadis riwayat Ahmad, Rasulullah SAW bersabda, “Perintahkan anak-anak kamu untuk menunaikan solat ketika mereka berusia tujuh tahun, pukullah mereka ketika mereka berusia 10 tahun dan pisahkan tempat tidur di antara mereka.”

Langkah selanjutnya adalah memberi pendedahan mengenai pendidikan seksual kepada anak-anak. Ibu bapa perlu sedar, langkah tersebut bertujuan memberi kesedaran supaya mereka boleh bertindak segera sekiranya berlaku cubaan mencabul dan rogol.

Hal ini perlu diambil serius kerana kebanyakan kes sumbang mahram yang berlaku adalah disebabkan kanak-kanak tidak tahu apa yang berlaku lantaran tidak didedahkan dengan pendidikan seksual sejak dari kecil.

Tokoh ilmuwan bidang fiqh, Dr Abdullah Nasih Ulwan menyatakan, pendidikan seksual kepada anak-anak seharusnya dilaksanakan secara berperingkat.

Tahap penerimaan anak-anak terhadap pengajaran seks berkait rapat dengan perbezaan umur mereka. Beliau turut menggariskan tiga tahap pendidikan seksual kanak-kanak menurut Islam.

Tahap pertama dikenali sebagai *tamyis* iaitu antara usia tujuh hingga 10 tahun. Pada usia ini, anak-anak diajar untuk mengenali identiti diri dan organ biologi pada tubuh mereka.

Pada masa yang sama, ibu bapa berperanan untuk menerangkan mengenai perbezaan tubuh lelaki dan perempuan, menekankan tempat pada bahagian tubuh yang tidak boleh disentuh oleh orang lain, mengajar anak untuk tidak membuka pakaian di hadapan orang lain kecuali ketika dalam keadaan terdesak dan melaporkan kepada ibu bapa sekiranya ada orang yang menyentuh bahagian intim mereka.

Tahap kedua dikenali sebagai *murahaqah* iaitu antara usia 10 hingga 14 tahun. Pada tahap ini, ibu bapa berperanan untuk menerangkan secara terperinci mengenai fungsi biologi dan perubahan pada tubuh anak-anak.

Selain itu, perkara mengenai aurat, batas pergaulan antara lelaki dan perempuan, akhlak dan menjaga maruah diri ditekankan. Perbincangan secara ilmiah mengenai kaedah mandi wajib dan persetubuhan didedahkan.

Namun, ibu bapa perlu berhati-hati dalam penyampaian bagi mengelakkan daripada mencetuskan perbincangan yang boleh menimbulkan nafsu berahi anak-anak.

Tahap ketiga adalah *baligh*. Pada usia 14 hingga 16 tahun, anak-anak diajar mengenai maksud baligh dan zina. Penerangan yang lebih serius ditekankan ketika anak-anak remaja iaitu menyentuh mengenai keburukan zina dari segi agama, kesihatan, psikologi dan tekanan emosi.

Ketiga-tiga tahap pendidikan seksual yang didedahkan kepada anak-anak perlu diawasi dan dididik sebaik-baiknya kerana dikhuatiri boleh menyebabkan anak-anak terjebak dengan gejala salah laku seksual.

Oleh itu, semua pihak terutamanya ibu bapa, guru, institusi pendidikan memainkan peranan penting bagi membendung masalah salah laku seksual melibatkan kanak-kanak.

Penggunaan gajet juga perlu dikawal dan diawasi supaya anak-anak tidak mengakses laman sesawang pornografi dan membaca bahan-bahan lucah yang sangat mudah diperoleh dalam internet.

Perbuatan menonton video pornografi, contohnya, boleh mengakibatkan kanak-kanak ketagihan dan ingin mencuba seterusnya menyalurkan nafsu atau keinginan syahwat terhadap adik-beradik yang lain.

Semua pihak perlu sedar dan memainkan peranan bagi mengatasi isu sumbang mahram daripada terus berleluasa dan merosakkan generasi muda di negara ini.